

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pengasingan peranan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang Kerajaan dan peranan pendakwa raya memandangkan kedua-dua peranan itu menyebabkan masalah dan konflik kepentingan.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menjalankan Kajian Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara yang merupakan inisiatif di bawah Tonggak 1 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Inisiatif tersebut juga turut dimasukkan sebagai Perkara 4.1.5 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Kajian terperinci tersebut telah melihat amalan terbaik global dan mengkaji secara mendalam sistem dan struktur pendakwaan di 9 buah negara.

Hasil kajian tersebut telah dimuktamadkan dan cadangan pindaan Perlembagaan serta undang-undang lain yang berkaitan juga telah dikenal pasti. Turut disediakan dalam laporan kajian tersebut ialah struktur Pejabat Pendakwa Raya yang akan ditubuhkan kelak. Seperti Yang Berhormat sedia maklum inisiatif ini turut berada dalam NACP dan tempoh pelaksanaan NACP adalah sehingga 2023. Apabila laporan kajian ini siap sepenuhnya, ia akan dibentangkan kepada kerajaan semula untuk keputusan sama ada akan melaksanakan agenda yang berkaitan cadangan memisahkan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

Memandangkan cadangan pemisahan ini memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, maka Kerajaan perlu berhati-hati dalam perkara yang menyentuh kuasa Pendakwa Raya di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan keanggotaan Pendakwa Raya dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman & Perundangan di bawah Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.